

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KAPAR ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah penerima faedah dan jumlah perbelanjaan Program Subsidi Upah bagi membantu majikan yang terkesan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, **Program Subsidi Upah (PSU)** yang mula diperkenalkan pada 1 April 2020 merupakan bantuan kewangan kepada majikan dari pelbagai sektor yang terkesan dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19. Melalui program ini, majikan dapat meneruskan operasi syarikat dalam tempoh yang kritikal dan secara langsung mampu mengekalkan pekerja mereka. Selain itu, PSU dapat membantu mengelakkan berlakunya pemberhentian pekerja secara besar-besaran.

Berdasarkan statistik sehingga 20 Ogos 2021, PERKESO telah menerima permohonan bagi PSU 1.0 daripada **331,950 majikan** melibatkan lebih **2.7 juta orang pekerja** dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak **RM12.78 bilion**.

Manakala bagi permohonan **PSU 2.0 pula**, PERKESO telah menerima permohonan daripada **96,566 majikan** yang melibatkan **975,413 orang pekerja** melibatkan jumlah bantuan kewangan sebanyak **RM1.33 bilion**.

Bagi **PSU 3.0** di bawah Belanjawan 2021, PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA+, PERKESO telah menerima permohonan daripada **185,545 majikan** yang melibatkan lebih **1.88 juta orang pekerja** dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak **RM2.34 bilion**.

Sementara itu, **PSU 4.0** di bawah PEMULIH yang dibuka permohonannya mulai 1 Ogos sehingga 31 Oktober 2021, PERKESO telah menerima sejumlah permohonan **99,114 majikan** melibatkan lebih **1.21 juta orang pekerja** dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak **RM248.4 juta**.

## **SOALAN NO : 51**

Jumlah keseluruhan bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada majikan di bawah **PSU 1.0, 2.0, 3.0 dan 4.0** adalah sebanyak **RM16.69 bilion**. Pelaksanaan program ini telah memberi impak positif yang besar dan mengelakkan berlakunya pemberhentian pekerja secara besar-besaran seterusnya dapat mengimbangi peningkatan kadar pengangguran yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 15.9.2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 52**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) kenapa harga siling yang ditetapkan bagi kit ujian RT-PCR dan RTK- Antigen adalah lebih tinggi di Sarawak jika dibandingkan dengan harga di Semenanjung; dan
- (b) sama ada kit ujian sendiri COVID-19 diberikan subsidi dan juga ditetapkan harga siling yang berpatutan (kurang daripada RM10) supaya setiap orang mampu membeli kit tersebut untuk saringan COVID-19 yang lebih memuaskan dalam pengawalan penularan COVID-19.

**JAWAPAN:**

**Yang di-Pertua,**

- (a) Kementerian telah menetapkan harga maksimum kit ujian pantas antigen covid-19 (ujian sendiri) bagi borong RM16.00 seunit dan runcit RM19.90 seunit di seluruh negara. Penetapan harga maksimum telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 5 September 2021 melalui P.U (A) 348 Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) (No.7) 2021.
  
- (b) Penetapan harga maksimum ini adalah munasabah dan mampu dibeli oleh rakyat. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk pemberian subsidi kepada kit ujian sendiri Covid-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN  
AHMAD ( KUALA SELANGOR )**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN NO.53**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
( KUALA SELANGOR )** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa  
sehingga kini, adakah pesakit yang meninggal kerana COVID-19 telah  
disaring dengan ujian genomic dan apakah keputusannya sehingga kini.  
Mohon penjelasan melalui breakdown dari segi angka yang meninggal di  
hospital dan brought in dead.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemilihan sampel klinikal dari seseorang yang telah meninggal dunia adalah salah satu kriteria yang digunakan untuk menjalankan ujian genomik untuk mengenalpasti jenis virus COVID-19.
2. Sehingga 25 Ogos 2021, Institut Penyelidikan Perubatan telah menerima sebanyak 158 kes kematian. Dari ini, 24 adalah kematian di hospital manakala 134 adalah jumlah brought in dead (BID). Salah satu kriteria penting untuk kejayaan penjujukan seluruh genom (*whole genome sequencing* (WGS)) adalah mempunyai kandungan virus yang tinggi (*high viral-load*), iaitu mempunyai *cycle threshold* (Ct) value kurang daripada 25 melalui ujian RT-PCR semasa pengambilan sampel dilakukan. Oleh yang demikian IMR hanya berjaya melakukan penjujukan virus SARS-CoV-2 daripada 52 kes kematian sahaja.
3. Dari segi jenis kematian, 23 adalah kematian di hospital manakala 29 lagi adalah kematian brought in dead. Daripada 52 kes ini, 32 melibatkan *variant of concern* (VOC) yang terdiri daripada 25 Delta dan 7 Beta, manakala 20 adalah non-VOC (termasuk lapan B.1.466.2, enam B.1.524, dua B.1.459, satu setiap A.U.2, B.1.36.16, B.1.1354 dan B.6. Menerusi 29 kes BID, sekurang-kurang 20 kes dikenalpasti disebabkan oleh varian Delta.

Sekian, terima kasih.